# Bahasa Ireland

**Bahasa Ireland** (*Gaeilge*), juga dikenali sebagai **bahasa Gaelik Ireland**, ialah suatu bahasa Goidelik daripada keluarga bahasa Indo-Eropah, berasal dari Ireland dan sebagai bahasa kedua mengikut kumpulan yang agak besar. Bahasa Ireland mendapat status perlembagaan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi pertama Republik Ireland. Bahasa ini merupakan salah satu bahasa Kesatuan Eropah dan bahasa minoriti di Ireland Utara yang diakui secara rasmi.

Bahasa ini merupakan antara bahasa tertua yang wujud dengan kesusasteraannya sendiri di Eropah Barat[4] bermula daripada penulisan nama-nama dalam tulisan Ogham yang diukir pada batuan sejak abad ke-4. Tulisan Rumi pula diperkenalkan oleh seorang uskup suruhan Paus Celestinus I - yang dikatakan sebagai penganut Kristian pertama dari kalangan bangsa Ireland[5] - bernama Palladius sekitar tahun 431 Masihi.[6]

Bahasa ini mempunyai beberapa bentuk yang beralih dari zaman ke zaman - bahasa Ireland Pertengahan muncul pada abad ke-10 serta tersebar bukan sahaja serata pulau Ireland itu sendiri, tetapi sejauh Scotland dan Pulau Man. Bahasa pertuturan di kedua-dua negara ini pula berpecah secara beransur-ansur menjadi bahasa Gaelic Scotland dan Bahasa Manx setelah abad ke-12. Bahasa Irish Moden mula dikembangkan sejak abad ke-13 sehinggalah ke bentuk akhirnya pada abad ke-17 sebagai wahana penulisan kesusasteraan di Ireland dan kawasan penutur bahasa ini Scotland.

Penggunaan bahasa ini mula merosot dalam kalangan penutur di bahagian timur pulau Ireland lalu merebak ke barat atas beberapa faktor iaitu pengharaman penggunaannya oleh pemerintah British yang menjajah pulau tersebut, sokongan Gereja Katolik Rom terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa keagamaan dalam upacara gereja serta kecenderungan penduduk pulau itu menggunakan bahasa Inggeris dan Ireland lalu menyebabkan peralihan bahasa.[7] Penghijrahan ke negara-negara yang jauh seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Australia akibat Kebuluran Besar Ireland yang kemudiannya mendorong kepada penggunaan bahasa Inggeris turut memburukkan keadaan. Walau bagaimanapun, kini terdapat pelabagai usaha yang dilakukan sejak merdekanya Ireland dari Britain untuk

| **Irish** | |
|---|---|
| | ***Gaeilge*** |
| **Sebutan** | *akan ditambah* |
| **Asli di** | Ireland |
| **Wilayah** | Gaeltacht |
| **Penutur asli** | approx 130,000 asli di Ireland, bilangan lebih kecil di luar negara (2011)[1]<br>L2:<br>▪ 1.77 juta (asli + L2) di Republik Ireland<br>▪ 64,916 di Ireland Utara[2]<br>▪ 30,000 di Amerika Syarikat<br>▪ 7,500 di Kanada<br>▪ 1,895 di Australia[3] |
| **Keluarga bahasa** | Indo-Eropah<br>▪ Celtik<br>▪ Celtik Kepulauan<br>▪ Goidelik<br>▪ **Irish** |
| **Bentuk-bentuk awal:** | Bahasa Ireland Primitif<br>▪ Bahasa Ireland Kuno<br>▪ Bahasa Ireland Pertengahan<br>▪ Bahasa Ireland Klasik<br>▪ **Irish** |
| **Borang standard** | An Caighdeán Oifigiúil |
| **Sistem penulisan** | Latin (abjad bahasa Ireland)<br>Braille Ireland |
| | **Status rasmi** |
| **Bahasa rasmi di** | Ireland<br>Kesatuan Eropah |

menghidupkan semula serta melestarikan bahasa ini dengan tertubuhnya sekolah-sekolah khas menggunakan bahasa Ireland sebagai medium pengantar serta penerapannya dalam media baru eperti radio dan televisyen.

## Rujukan


1. Templat:ELL2


| | |
|---|---|
| **Diiktiraf sebagai bahasa minoriti dalam** | United Kingdom (Ireland Utara) |
| **Dikawal oleh** | Foras na Gaeilge |
| | **Kod bahasa** |
| **ISO 639-1** | ga |
| **ISO 639-2** | gle |
| **ISO 639-3** | gle |
| **Linguasphere** | 50-AAA |




Perkadaran responden yang mengatakan mereka boleh berbahasa Ireland dalam bancian Ireland 2011 atau bancian Ireland Utara 2011.

**Halaman ini mengandungi lambang fonetik IPA dalam bahasa Unikod.** Tanpa sokongan paparan, anda mungkin melihat tanda tanya, kotak atau lambang lain dan tidak aksara Unikod


2. http://www.nisra.gov.uk/Census/key_report_2011.pdf Bancian 2011, Statistik Kekunci untuk Ireland Utara, Kerajaan United Kingdom, Disember 2012
3. Vaughan, Jill. "The Irish language in Australia - Socio-cultural Identity in Diasporic Minority Language Use" (http://unimelb.academia.edu/JillVaughan/Papers/1215389/The_Irish_language_in_Australia_sociocultural_identity_in_diasporic_minority_language_use). Sekolah Bahasa dan Linguistik Universiti Melbourne. Dicapai pada 2 Ogos 2012.
4. Maureen O'Rourke Murphy, James MacKillop. *An Irish Literature Reader*. Syracuse University Press. m/s. 3.
5. Jerome, *Patrologia Latina*, XXIV, 682, 758
6. Michael Richter, *Medieval Ireland*, Revised Edition, Gill & McMillan, 2005, p. 11, 41

7. De Fréine, Seán (1978). *The Great Silence: The Study of a Relationship Between Language and Nationality* (https://books.google.com/books?id=w2NiAAAAMAAJ). Irish Books & Media. ISBN 978-0-85342-516-8.

# Pautan luar

- Language Links Database – language links and resources for Irish language (http://www.languagelinksdatabase.com/irish/)
- Discover Irish (http://www.uni-due.de/DI/)
- "Learning Irish? (http://www.bbc.co.uk/irish/features/8/english/)," *BBC*
- Acmhainn.ie – Dictionary and terminology resource (http://acmhainn.ie/)
- Irish-English Audio/Image dictionary (http://www.talkirish.com/dictionary)

| | |
|---|---|
| **Kawalan kewibawaan** | GND: 4120207-7 (https://d-nb.info/gnd/4120207-7) · LCCN: sh85068101 (https://id.loc.gov/authorities/subjects/sh85068101) · NDL: 00560113 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00560113) |

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Ireland&oldid=4845298"

**Laman ini kali terakhir disunting pada 14:06, 27 Jun 2020.**

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.